

# China tentang kuasa besar cuba buli negara kecil

Oleh Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, Rabu - Naib Presiden China, Hu Jintao hari ini memberi amaran bahawa negaranya akan menentang sebarang cubaan mana-mana kuasa besar untuk membuli negara lemah.

Sambil memberi jaminan China akan sentiasa mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali, Hu yang jarang muncul di pentas antarabangsa, mene-

perkuh hubungan kejiwaan yang baik dengan rakan serta kerjasama dengan negara di sekeliling sebagai sebahagian daripada dasar luar kami," katanya ketika berucap pada majlis khas anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) di sini.

Walaupun China sebelum ini sudah beberapa kali membantah tindakan Amerika Syarikat mengenakan cengkamannya dalam pelbagai isu sejangat, Hu dalam ucapannya tidak membuat

## Isu Spratly: Malaysia sokong Kod Amalan - Muka 2

sebarang rujukan spesifik tetapi berkata:

"Negara besar harus menghormati kepentingan negara kecil dan sederhana di Asia. Mereka (negara kecil) harus dilayan secara saksama dan berusaha ke arah kestabilan serta kemakmuran Asia."

Beliau berada di sini dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bermula semalam. Hari ini, beliau turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan melawat Menara Berkembar Petronas.

Jumaat ini, Hu dan delegasinya akan berlepas ke

gaskan: "China melihat semua negara sebagai sama, tanpa mengira sama ada ia besar atau kecil."

"Sejak dulu lagi, China sudah berikrar untuk tidak mengembangkan pengaruhnya dalam hal-ehwal asing, menyertai sebarang blok ketenteraan atau memperluaskan cengkamannya.

"(Sebaliknya), kami akan sentiasa berusaha mem-

## Syor bekerjasama hadapi cabaran

### DARI MUKA 1

Singapura sebelum meneruskan lawatan rasmi seminggu ke Amerika Syarikat. Beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush.

Hu berkata, kewujudan China sebagai antara kuasa ekonomi utama di dunia juga seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang positif oleh negara Asia.

"Sejarah berulang dan akan terus membuktikan bahawa China sebagai

kuasa yang kuat secara ekonomi dan memastikan kestabilan di Asia,

"Pembangunan China sukar dicapai tanpa Asia, begitu juga dengan kemakmuran Asia sukar dicapai tanpa China," katanya.

Sehubungan itu, katanya, apa yang penting kini ialah negara membangun tidak perlu bersaing antara satu sama lain, tetapi menghadapi cabaran mendatang menerusi kerjasama yang lebih erat.

Hu turut menyilatkan

Asia sebagai benua yang begitu dinamik dengan potensi pertumbuhan yang menggalakkan kerana pada masa ini Asia sudah menyumbang 30 peratus daripada jumlah perdagangan dunia.

"Pencapaian Asia dalam tempoh 50 tahun lalu menjadi pendorong kita terus yakin terhadap masa depan kita. Dalam arus globalisasi, kita mempunyai kapasiti untuk terus mantap dan bertapak kukuh," katanya.

LIHAT MUKA 2